NO. SOALAN: 246

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

RUJUKAN : 8025

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membina bangunan baru dan menambah pegawai polis untuk kawasan Ayer Tawar, Perak yang mempunyai jumlah penduduk lebih kurang 50,000 orang.

JAWAPAN:

Perancangan untuk membina Balai Polis Ayer Tawar, Perak telah disenaraikan dalam cadangan RMK 11 dan akan dilaksanakan kelak mengikut keutamaan semasa. Skop projek meliputi bangunan Balai Polis, perumahan dan bangunan sokongan termasuk stor barang kes.

Buat masa ini, memang ada perancangan awal untuk menambahkan perjawatan di balai tersebut ke Balai Polis kategori 'A' (159 perjawatan). Namun demikian, ianya tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan dari segi pertambahan anggota dan juga kemudahan infrastruktur yang lain.